JURNAL PENGAJIAN ISLAM

Jurnal Pengajian Islam
ISSN: 1823 7126
E-ISSSN: 0127-8002
Bilangan 18, Isu I, Halaman 14-55, 2025

# METODOLOGI PENULISAN DAN VERIFIKASI HADIS-HADIS KHUTBAH JUMAAT: TUMPUAN KEPADA TEKS KHUTBAH TERBITAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT) TAHUN 2023

## *METHODOLOGY OF WRITING AND VERIFICATION OF FRIDAY SERMON HADITHS: FOCUS ON THE SERMON TEXTS PUBLISHED BY THE TERENGGANU STATE RELIGIOUS AFFAIRS DEPARTMENT (JHEAT) IN 2023*

Adi Hazmi bin Mohd Rusli [1]

[1] Calon Ijazah Doktor Falsafah Hadis, Jabatan Usuluddin, Kuliyyah Shariah dan Pengajian Islam, Universiti Yarmouk, Jordan, adihazmi@outlook.my

*Artikel diterima: 03 Februari 2025* | *Selepas Pembetulan: 21 April 2025* | *Diterima untuk terbit: 29 Mei 2025*

**Abstrak**

Khutbah Jumaat ialah ucapan berbentuk pidato yang disampaikan oleh khatib pada hari Jumaat. Khutbah juga merupakah salah satu platform dalam menyampaikan dakwah secara lisan dan medium untuk menyalurkan maklumat dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Islam berkenaan dengan akidah, syariah mahupun akhlak. Walau bagaimanapun, kini hadis-hadis yang berstatus mardud sangat mudah ditemui dalam buku-buku bacaan awam, kitab-kitab jawi, majalah, surat khabar, koleksi kuliah-kuliah agama dan tidak ketinggalan khutbah-khutbah Jumaat. Ekoran daripada itu, penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengetahui autoriti kesemua hadis yang termuat di dalam khutbah Jumaat keluaran Unit Khutbah dan Pengukuhan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) bagi tahun 2023 yang bermula pada 6 Januari sehingga 29 Disember. Selain itu, kajian ini turut memfokuskan kepada metodologi penulisan khutbah Jumaat daripada empat sisi iaitu analisis tajuk khutbah mengikut tema, penggunaan hadis menerusi teks khutbah, metode penyampaian hadis dalam teks khutbah dan taburan riwayat dalam teks khutbah. Penelitian ini mengkombinasi antara dua metodologi yang iaitu analisis kandungan dan perbandingan demi mencapai objektif-objek kajian. Alhasil, kajian mendapati judul khutbah berdasarkan tema teks khutbah Jumaat dibahagi secara tidak sekata. Selain itu, metode penyampain hadis didapati tidak menepati standard yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Begitu pun, majoriti hadis yang diguna pakai atau berjumlah 51 hadis di dalam teks khutbah terdiri daripada riwayat *sheikhān.* Akhirnya, pengkaji mendapati sebanyak 62 hadis atau 62% berstatus antara sahih dan hasan, manakala 38 hadis atau 38% bertaraf daif.

**Kata kunci**

Metodologi, Verifikasi, Hadis, Khutbah, JHEAT

***Abstract***

*The Friday sermon is a form of speech delivered by the khatib on Friday. The sermon is also one of the platforms for delivering oral preaching and a medium for conveying information and knowledge to the Muslim community regarding faith, sharia, and ethics. However, now hadiths with a rejected status are easily found in public reading books, Jawi books, magazines, newspapers,*

*religious lecture collections, and not forgetting Friday sermons. As a result, this research was conducted to determine the authority of all the hadiths contained in the Friday sermons issued by the Khutbah and Strengthening Unit, Terengganu Department of Islamic Affairs (JHEAT) for the year 2023, which began on January 6 and ends on December 29. In addition, this study also focuses on the methodology of writing Friday sermons from four aspects, namely the analysis of sermon topics according to themes, the use of hadiths in sermon texts, the method of delivering hadiths in sermon texts and the distribution of narrations in sermon texts. This research combines two methodologies, namely content analysis and comparison, to achieve the research objectives. As a result, the study found that the sermon titles based on the theme of the Friday sermon text were unevenly distributed. In addition, the method of delivering hadiths was found to not meet the standards set by the Ministry of Home Affairs (KDN). Nevertheless, the majority of the hadiths used, totaling 51 hadiths in the sermon text, consist of narrations from as-Ṣaḥīḥayn. Finally, the researcher found that out of 62 hadiths, or 62%, were classified as either authentic or good, while 38 hadiths, or 38%, were deemed weak.*

***Keywords***
*Methodology, Verification, Hadits, Khutba, JHEAT*

## 1. Pengenalan

Al-Quran adalah wahyu daripada Allah dan hadis adalah apa yang datang daripada Rasulullah SAW. Hadis merupakan sumber kedua dalam syariat Islam selepas al-Quran sebagaimana yang telah disepakati oleh para sarjana Islam. Para cendekiawan daripada kalangan sahabat semuanya kembali kepada hadis Rasulullah SAW apabila menerangkan maksud al-Quran kerana hadis adalah sumber syariat Islam mengenai halal dan haram mahupun perkara-perkara ghaib. Begitu pun, daripada segi autoriti dan autentikasi, al-Quran tidak boleh dipertikai autoriti dan autentikasinya kerana kesemua ayat al-Quran adalah mutawatir. Adapun hadis kesemuanya dikategorikan sebagai *Ẓanniyāt at-Thubūt*. Oleh kerana itu, lahir pelbagai disiplin ilmu menerusi *'Ulūm* al-Hadis yang bertujuan untuk verifikasi hadis-hadis berkenaan kepada beberapa klasifikasi seperti sahih, hasan, daif dan *maudu'*. Kepentingan merujuk kepada sunnah atau hadis yang sahih adalah untuk mengelakkan umat Islam daripada penyelewengan dan penyalahgunaan teks-teks hadis demi kepentingan diri ataupun bagi tujuan meruntuhkan martabat Islam. Lebih malang lagi jika nas-nas tersebut berkaitan akidah, halal haram mahupun akhlak yang boleh mengakibatkan persepsi songsang terhadap Islam dan seterusnya membawa kepada kehindaran umat Islam khususnya, mahupun bukan Islam untuk mendekati dan mempelajari ajaran Islam. Justeru, perlu satu usaha bagi mengenal pasti autoriti dan autentikasi hadis-hadis tersebut dengan berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh sarjana hadis yang berautoriti.

Sebagaimana yang diketahui, khutbah adalah medium dakwah utama yang dimanfaatkan oleh Nabi SAW dalam menyebarkan kemurnian ajaran Islam. Hakikatnya, khutbah berasal daripada perkataan Arab iaitu *khotoba* dan secara etimologinya ia bermaksud pidato manakala secara istilah pula ia bermakna sebuah kegiatan ibadah yang dilaksanakan dan diikuti oleh umat Islam setiap minggu (Jumaat) dan dua kali dalam setahun (Aidilfitri dan Aidiladha) serta mungkin beberapa kali (Gerhana, *Istisqa'*). Khutbah dilaksanakan dengan menyampaikan nasihat, informasi, ajakan dan peringatan melalui lisan khatib kepada para pendengar (Usman, 1995). Hal Ini dapat dilihat daripada

lensa sirah Rasulullah SAW, baginda sentiasa menjadi khatib dalam pelbagai kesempatan, baik ketika solat Jumaat, solat hari raya, solat gerhana mahupun kesempatan-kesempatan yang lain. Bahkan baginda SAW mengumumkan perpisahannya dengan umat Islam saat baginda menjadi khatib wukuf ibadah haji yang dikenali sebagai *Khutbat al-Wadāʿ*. Bermulanya pada saat itu, khutbah khususnya khutbah Jumaat telah menjadi medium penyampaian nilai-nilai ajaran Islam kepada masyarakat. Rasulullah SAW memupuk nilai keimanan muslimin yang masih rapuh pada waktu itu melalui mimbar khutbah. Hal ini menjadi sangat penting kerana dalam Islam, iman dipandang sebagai potensi rohani atau bawaan yang harus dikembangkan dan ditingkatkan potensinya dalam bentuk amal soleh sehingga dapat mencapai prestasi rohani yang tertinggi iaitu takwa (Thaib, 2014).

Khutbah Jumaat merupakan asas kepada kekuatan umat Islam dalam usaha memahami dan menghayati al-Quran kerana itulah disyariatkan secara mingguan. Isi kandungannya mampu menyerap dengan baik ke dalam fikiran dan jiwa pendengar di saat mereka sedang memberi tumpuan dalam soal ibadah. Khutbah Jumaat juga sangat berpengaruh dalam menyampaikan mesej pembangunan insaniah, pembangunan ukhrawi dan duniawi, persaudaraan, adab, akhlak, politik, ekonomi, kepimpinan dan menyebarkan pengaruh Islam kepada masyarakat (Zakaria et al., 2019). Melihat kepada peri mustahak peranan khutbah, pemantauan kualiti isi kandungan khutbah perlulah dilaksanakan khususnya autoriti hadis-hadis yang diguna pakai rentetan daripada penyebaran hadis yang tidak berautoriti dalam masyarakat Malaysia yang berada dalam keadaan yang begitu membimbangkan (Dakir et al., 2008). Begitu jua dengan lafaz hadis yang digunakan, ia hendaklah diterjemah oleh mereka yang berkepakaran agar tiada sebarang penambahan pada lafaz hadis yang asal yang boleh membawa kepada penyandaran ucapan, perbuatan atau tindak-tanduk yang tidak benar kepada Rasulullah SAW (Rozani et al., 2021).

Sebagai lanjutan daripada itu, pengkaji memutuskan untuk menjalankan kajian terhadap teks khutbah Jumaat negeri Terengganu sepanjang tahun 2023 bagi menyemak taraf hadis yang dijadikan dalil atau hujah. Kajian ini dilihat sangat penting kerana kandungan khutbah mampu memberi pengaruh kepada pembentukan sahsiah individu dan masyarakat. Dan andai khutbah Jumaat menjadi medan penyebaran hadis daif atau palsu, maka masyarakat turut akan terasa tempias negatifnya. Di samping itu, pengkaji akan turut meneliti metodologi penulisan teks khutbah Jumaat yang dihasilkan oleh ahli jawatankuasa penulisan dan penilaian khutbah yang telah dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT). Justeru, hasil kajian ini juga dapat membantu JHEAT terutamanya Unit Khutbah dan Pengukuhan dalam menambahbaik mutu dan kualiti teks khutbah Jumaat sekali gus mencapai objektif bagi memperkasa agenda dakwah dan pendidikan Islam ke arah pembentukan *khayra ummah* berpaksikan al-Quran dan as-Sunnah.

## 2. Metodologi Kajian

Menurut Ahmad Sunawari Long (2009) bidang kajian dokumentasi ke atas al-Quran, hadis dan kitab-kitab agama boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan metode analisis kandungan, perbandingan dan kajian persejarahan terhadap isi dan tafsiran al-Quran serta pelbagai kitab tafsir termasuk penulisnya. Demikian juga kajian terhadap matan dan sanad hadis, kajian *takhrīj* hadis dan sebagainya. Justeru, pengkaji akan

menggunakan metode analisis kandungan dan perbandingan dalam mencapai objektif-objektif kajian.

Pertama, penggunaan metode analisis kandungan. Kajian ini tertumpu kepada tiga aspek penting. Pertama metodologi penulisan khutbah Jumaat daripada empat sudut iaitu analisis tajuk khutbah mengikut tema, penggunaan hadis menerusi teks khutbah, metode penyampaian hadis dalam teks khutbah dan taburan riwayat dalam teks khutbah. Kedua tentang autentikasi hadis dan ketiga tentang matan hadis daripada segi makna khususnya buat hadis yang tidak *thābit*. Kesemua hadis yang menjadi bahan penyelidikan diambil daripada teks khutbah Jumaat negeri Terengganu bagi tahun 2023 bermula 6 Januari sehingga 29 Disember. Oleh itu, bagi mengenal pasti autentikasi hadis-hadis berkenaan dan makna sesuatu hadis jika hadis yang diguna pakai tidak *thābit*, pengkaji akan melaksanakan analisis kandungan dan penelitian terhadap kitab-kitab hadis meliputi kitab *Dawāwīn al-Sunnah, al-Tārikh, al-'Ilal* dan kitab-kitab syarahan hadis kerana di dalam kitab-kitab ilmiah ini terdapat nukilan hadis berserta sanad serta pandangan sarjana hadis terhadap status perawi, autoriti sesuatu hadis juga maksud kepada hadis tersebut yang menjadi subjek utama penyelidikan. Bagi melancarkan proses pencarian ini, pengkaji akan turut melakukan pencarian secara digital melalui aplikasi *al-Maktaba al-Shāmila* dan *Jawāmi' al-Kalim*. Di samping mengandungi hampir keseluruhan rujukan dalam bidang hadis, aplikasi-aplikasi tersebut juga berfungsi untuk mencari sumber hadis dan menentukan kesahihannya dengan cepat dan mudah. (Mohd Nasir et al., 2021)

Sementara itu, penjelasan status hadis akan dibuat terhadap semua hadis dengan berpandukan kepada penilaian oleh ulama hadis yang berautoriti sama ada daripada kalangan *al-Mutaqaddimīn* seperti Abu Zur'ah al-Rāzi, Abu Ḥatim al-Rāzi, al-Dāruquṭni atau *al-Mutaakhirīn* seumpama al-Dhahabi, Ibnu Kathīr, Ibnu Ḥajar al-'Aṣqalānī atau *al-Mu'āṣirīn* semisal Muqbil bin Hādī al-Wādi'ī, Shu'aib al-Arnā'ūṭ, Ḍhiyā' al-Raḥmān al-'Aẓomī. Dan jika berlaku sebarang perbezaan pandangan dalam menetapkan autoriti sesuatu hadis, pengkaji akan melakukan *tarjīḥ* berdasarkan pilihan ulama hadis *al-Mutaqaddimīn* kerana merekalah yang lebih mengetahui selok-belok sesuatu hadis itu. Adapun, tentang makna hadis bagi hadis yang tidak *thābit* secara sanad namun matannya sahih berdasarkan ayat al-Quran atau hadis sahih yang lain, ia diambil berdasarkan pandangan *muḥaddithīn* yang muktabar seumpama Ibnu Rajab al-Hanbalī, al-Nawawi dan selainnya.

Kedua, kajian ini akan menggunakan metode perbandingan iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperoleh. Pengkaji menggunakan metode ini untuk mendapatkan kesimpulan.

## 3. Metode Penulisan Teks Khutbah

Pada bahagian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada empat pokok perbincangan iaitu: 1. Analisis tajuk khutbah mengikut tema, 2. Penggunaan hadis menerusi teks khutbah, 3. Metode penyampaian hadis dalam teks khutbah, 4. Taburan riwayat dalam teks khutbah.

### 3.1. Analisis Tajuk Teks Khutbah

Dalam teks khutbah Jumaat negeri Terengganu bagi tahun 2023, terdapat tiga tema penting dijadikan platform dalam menghasilkan teks khutbah iaitu akidah, syariah dan akhlak. Khutbah berdasarkan pembahagian tema ini dilihat begitu penting kerana dengan cara ini, kefahaman masyarakat Islam akan meningkat dan tidak tertumpu kepada satu aspek semata-mata seperti akidah sahaja atau sekadar akhlak, namun ia bersifat syumul meliputi pelbagai topik yang secara tidak langsung dapat memberi inspirasi dan membantu masyarakat Islam dalam menjalani kehidupan mereka (Samsudin et al., 2017). Berikut adalah taburan tajuk khutbah untuk tahun 2023 berdasarkan tema:

Jadual 1: Tajuk Khutbah Mengikut Tema

| **Bil** | **Tarikh** | **Tajuk** | **Tema** |
|---|---|---|---|
| **1** | 06/01 | Bermuhasabah dengn Ketentuan Allah | **Akidah** |
| **2** | 17/02 | Keajaiban Mukjizat Al-Isra' Wal Mi'raj | |
| **3** | 24/02 | Iman Nikmat Teragung | |
| **4** | 03/03 | Bertawakkal Kepada Allah | |
| **5** | 10/03 | Kesempurnaan Syahadah dalam Islam | |
| **6** | 04/08 | Menjaga Akidah Islam | |
| **7** | 02/06 | Haji adalah Rehlah Keimanan | |
| **8** | 22/09 | Kelahiran Rasulullah SAW Suatu Rahmat | |
| **9** | 29/09 | Cinta kepada Nabi Asas Kecintaan kepada Allah | |
| **10** | 13/10 | Mahabbah kepada Rasulullah | |
| **11** | 20/10 | Kami Bersamamu Palestin | |
| **12** | 01/12 | Peliharalah Akidahmu | |
| **13** | 02/12 | Kurniaan Tuhan untuk Orang yang Beriman | |
| **14** | 29/12 | Pertahankan Maruah Umat Islam | |
| **15** | 20/01 | Hati-Hati Tipu Daya Siber dan Scam | **Syariah** |
| **16** | 27/01 | Kewajipan Sembahyang Lima Waktu | |
| **17** | 03/02 | Amaran Terhadap Orang yang Mengabaikan Solat | |
| **18** | 10/02 | Meraih Keuntungan yang Lebih Baik | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **19** | 17/03 | Ramadan Bulan Mulia | |
| **20** | 14/04 | Menggapai Lailatul Qadar | |
| **21** | 21/04 | Berakhirnya Ramadan Bukan Berakhir Ibadah | |
| **22** | 28/04 | Pengajaran Madrasah Ramadan | |
| **23** | 05/05 | Kebersihan Menurut Kaca Mata Islam | |
| **24** | 09/06 | Hak dan Tanggungjawab Menjaga Haiwan | |
| **25** | 23/06 | Kelebihan Zulhijjah dan Keistimewaan Arafah | |
| **26** | 30/06 | Kemuliaan Hari Tasyriq | |
| **27** | 25/08 | Menghayati Erti Kemerdekaan | |
| **28** | 01/09 | Bulan Safar bukan Pembawa Malang | |
| **29** | 15/09 | Keamanan Negara Nikmat yang Perlu Dipelihara | |
| **30** | 06/10 | Beramal dengan Sunnah Tanda Ketaatan dan Kepatuhan | |
| **31** | 10/11 | Mujahadah Rasulullah SAW dalam Beribadah | |
| **32** | 17/11 | Seikhlas Kasih Sejuta Harapan | |
| **33** | 24/11 | Kesiapsiagaan Menghadapai Bencana, Tanggungjwab Bersama | |
| **34** | 08/12 | Zakat dan Hikmahnya | |
| **35** | 13/01 | Sifat Mulia Ibadul Rahman | **Akhlak** |
| **36** | 24/03 | Sifat Orang yang Berpuasa | |
| **37** | 31/03 | Ramadan Menyucikan Jasmani dan Rohani | |
| **38** | 07/04 | Al-Quran bukan Sekadar Dibaca | |
| **39** | 12/05 | Pengucapan yang Baik adalah Sedekah | |
| **40** | 19/05 | Kemuliaan Ilmu dan Sanjungan Terhadap Para Guru | |
| **41** | 16/06 | Adab Pengimarahan Masjid | |
| **42** | 07/07 | Ghurur Tipu Daya yang Mesti Dihindari | |
| **43** | 14/07 | Muhasabah Akhir Tahun | |
| **44** | 21/07 | Hakikat Hijrah dalam Islam | |

| | | |
|---|---|---|
| **45** | 28/07 | Syaksiah Remaja Muslim |
| **46** | 11/08 | Islam Memelihara Keamanan dan Silaturrahim |
| **47** | 18/08 | Tujuh Petanda Kebahagiaan Hidup |
| **48** | 08/09 | Akhlak Mulia, Taubat dan Istiqamah |
| **49** | 27/10 | Memelihara Diri dari Dosa |
| **50** | 03/11 | Bersegera Melaksanakan Kebaikan |
| **51** | 15/12 | Kepincangan Hidup Manusia |
| **52** | 22/12 | Takabbur Melenyapkan Keharmonian |

Berdasarkan jadual di atas, tema syariah mendominasi khutbah Jumaat negeri Terengganu dengan 20 tajuk atau 38%, manakala tema kedua yang paling popular ialah akhlak dengan jumlah 18 judul atau 35%, diiringi dengan tema akidah dengan 14 motif atau 27%. Perkara ini terkait rapat dengan isu semasa yang terjadi pada sesuatu waktu dan memerlukan penerangan serta penjelasan daripada pihak autoriti agama. Maka, atas dasar itu, tema teks khutbah Jumaat dibahagi secara tidak sekata dalam tempoh setahun melihat kepada keperluan masyarakat tentang apa yang mereka harus faham pada saat itu dan apa yang mereka harus faham pada saat yang lain. Sebagai contoh, ketika bulan Safar, sebahagian daripada masyarakat Islam cuba untuk menghidupkan kembali budaya jahiliah, manakala sebahagian yang lain terpengaruh dengan kepercayaan karut berkenaan yang boleh menatijahkan huru-hara dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia (Abdul Malik, 2023). Lantaran itu, pada 1 September tahun lalu, pihak JHEAT menggalas tanggungjawab menerbitkan khutbah Jumaat yang berjudul: “Bulan Safar bukan Pembawa Malang” sebagai panduan kepada masyarakat negeri Terengganu khususnya, dalam menghadapi isu ini.

Sama juga dengan isu yang timbul pada akhir November yang lalu, yang menggemparkan rakyat negeri Terengganu iaitu fatwa kesesatan ajaran dan fahaman yang dibawa oleh seorang lelaki Syria, Mohd. Mohib Khouli Nazem yang didapati bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. (Kamaruddin, 2023). Susulan daripada itu, pada 1 Disember yang lalu, JHEAT telah menerbitkan teks khutbah Jumaat yang bertajuk: “Peliharalah Akidahmu” dalam usaha membendung penyelewengan yang dibawa oleh beliau. Pada hemat pengkaji, hal-hal ini menggambarkan usaha JHEAT menerusi kepelbagaian dalam tajuk khutbah Jumaat bahawa mereka begitu peka dengan isu-isu semasa yang membelenggu masyarakat dan sedaya upaya memberikan bimbingan yang tepat terhadap setiap permasalahan yang terjadi. Di samping itu, ketidakseragaman dalam pemilihan tema khutbah memberi isyarat bahawa khutbah-khutbah terbitan JHEAT kekal relevan dengan situasi semasa dan bukanlah ‘syok sendiri’.

### 3.2 Penggunaan Hadis Menerusi Teks Khutbah

Penggunaan hadis menerusi teks khutbah Jumaat membawa kepada keutuhan mesej yang ingin disampaikan kepada umat Islam. Kali ini, analisis akan tertumpu kepada penggunaan hadis sebagai hujah sokongan dalam teks khutbah Jumaat negeri Terengganu tahun 2023. Berikut adalah jadualnya:

Jadual 2: Penggunaan Hadis dalam Teks Khutbah

| **Bil** | **Perkara** | **Jumlah** | **Peratusan (%)** |
|---|---|---|---|
| **1** | Teks khutbah tanpa hadis | 10 | 19 |
| **2** | Teks khutbah dengan satu hadis | 12 | 23 |
| **3** | Teks khutbah dengan dua hadis | 11 | 21 |
| **4** | Teks khutbah dengan tiga hadis | 11 | 21 |
| **5** | Teks khutbah dengan empat hadis | 2 | 4 |
| **6** | Teks khutbah dengan lima hadis | 2 | 4 |
| **7** | Teks khutbah dengan enam hadis | 4 | 8 |
| | **Total** | 52 | 100 |

Jadual 2 jelas mempamerkan bahawa majoriti teks khutbah iaitu 42 teks atau 81% yang disediakan oleh panel khutbah JHEAT mengandungi sekurang-kurangnya satu hadis yang secara tidak langsung berupaya meneguhkan isi kandungan topik yang ingin disampaikan kepada para pendengar serta menambahkan pengetahuan pendengar tentang sunnah nabi SAW. Sebagai contoh, dalam usaha menggalakkan masyarakat untuk sentiasa menjaga kebersihan persekitaran, JHEAT telah pun menerbitkan sebuah khutbah yang berjudul: "Kebersihan Menurut Kaca Mata Islam" pada 5 Mei yang lalu. Dalam khutbah ini, selain daripada memberi penekanan terhadap kepentingan menjaga kebersihan daripada segi fizikal dan mental menurut manusiawi, panel khutbah turut menyebutkan keutamaan menjaga kebersihan di sisi Islam dengan mendatangkan beberapa hadis seperti sabda Rasulullah SAW:

الطُّهُورُ شَطْرُ الإيمان

Maksudnya: Bersuci itu separuh daripada iman.

Riwayat Muslim, no. 223

Walau bagaimanapun, terdapat 10 teks khutbah atau 19% yang tidak mengandungi sebarang hadis. Meskipun pembacaan hadis bukanlah syarat sah khutbah namun pengkaji berpandangan bahawa khutbah Jumaat merupakan sebuah medan yang paling sesuai untuk menyebarkan sunnah-sunnah Rasulullah SAW lantaran kewajipannya terhadap lelaki yang mencukupi syarat-syaratnya dan tidak sewajarnya dibiarkan berlalu tanpa mendengar sedikit pun daripada sabda baginda SAW. Hal ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pihak autoriti agama untuk mendidik dan memotivasikan masyarakat agar terus melaksanakan sunnah nabi SAW dalam kehidupan seharian (Hamzah, Syed Hassan & Hamisan @ Khair, 2022).

### 3.3 Metode Penyampaian Hadis dalam Teks Khutbah

Metode penyampaian yang dimaksudkan adalah ragam atau bentuk sesuatu hadis itu dipersembahkan kepada pendengar menerusi teks khutbah Jumaat yang dibaca oleh khatib. Analisis yang diperoleh berdasarkan teks ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai bentuk penyampaian hadis yang digunakan sepanjang khutbah dan tidak tertakluk kepada satu metode sahaja. Berikut adalah penemuan pengkaji:

i. Hadis disampaikan dengan cara menyebut matan hadis dalam bahasa Arab berserta nama sahabat yang meriwayatkan hadis tanpa menyebutkan sumber rujukan mahupun status hadis berjumlah 1 hadis.
ii. Hadis disampaikan dengan cara menyebut matan hadis dalam bahasa Arab berserta nama sahabat yang meriwayatkan hadis dan sumber rujukan tanpa status hadis berjumlah 1 hadis.
iii. Hadis disampaikan dengan cara menyebut matan hadis dalam bahasa Arab tanpa menyatakan nama sahabat yang meriwayatkan hadis dan status hadis namun masih menyertakan sumber rujukan sebanyak 62 hadis.
iv. Hadis disampaikan dengan cara menyebut matan hadis dalam bahasa Arab tanpa menyatakan nama sahabat yang meriwayatkan hadis dan status hadis mahupun sumber rujukan sebanyak 1 hadis.
v. Hadis disampaikan dengan cara menyebut terjemahan matan dalam bahasa Melayu sahaja berserta nama sahabat yang meriwayatkan hadis dan sumber rujukan tanpa status hadis berjumlah 4 hadis.
vi. Hadis disampaikan dengan cara menyebut terjemahan matan dalam bahasa Melayu sahaja tanpa nama sahabat yang meriwayatkan hadis namun masih menyertakan sumber rujukan berserta status hadis sebanyak 1 hadis.
vii. Hadis disampaikan dengan cara menyebut terjemahan matan dalam bahasa Melayu sahaja tanpa nama sahabat yang meriwayatkan hadis dan status hadis namun masih menyebut sumber rujukan berjumlah 31 hadis.
viii. Hadis disampaikan dengan cara menyebut terjemahan matan dalam bahasa Melayu sahaja tanpa nama sahabat yang meriwayatkan hadis dan status hadis mahupun sumber rujukan berjumlah 8 hadis.

Berdasarkan penemuan di atas, didapati bahawa teks khutbah Jumaat negeri Terengganu tidak menyertakan satu hadis pun yang untuk disampaikan secara ideal dan sempurna meliputi nama sahabat yang meriwayatkan hadis, matan hadis dalam bahasa

Arab, sumber rujukan dan status hadis. Bahkan, daripada total 109 hadis (termasuk yang berulang) yang dinyatakan melalui teks khutbah sepanjang tahun 2023, hanya satu hadis sahaja yang disebutkan kualitinya, manakala majoriti hadis yang lain hanya berpada dengan sumber rujukan. Begitu pun, terdapat lapan buah hadis yang tidak dinyatakan sumber rujukannya.

Hal ini didapati tidak selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mewajibkan setiap penulisan dan penerbitan yang mengandungi teks hadis hendaklah dinyatakan sumber rujukan dan statusnya sebagaimana yang termaktub di dalam Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith (Lajnah Tahqiq Hadith, 2018). Tambahan pula, perkara ini penting dalam usaha mendidik masyarakat mengenai kepentingan mengetahui sumber rujukan dan taraf sesuatu hadis sebelum menyebarkannya atau mengamalkannya sejajar dengan hasrat kerajaan untuk membendung dan mengekang penyebaran hadis-hadis *mardud* dalam kalangan masyarakat yang dibimbangi boleh membawa kepada penyelewengan akidah, menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam serta perpaduan negara (Lajnah Tahqiq Hadith, 2018).

### 3.4 Taburan Riwayat dalam Teks Khutbah

Pada bahagian ini, pengkaji menganalisis kesemua sumber hadis yang termuat di dalam teks khutbah. Hakikatnya, penyebutan riwayat dilihat sangat signifikan dalam memastikan tiada sebarang hadis yang bertaraf *lā aṣla lahu* (tidak mempunyai asal) atau seumpamanya digunakan dan disebarkan dalam mana-mana bahan cetak. Selain itu, pemberitahuan sumber hadis turut penting dalam penentuan status sesuatu hadis. Sebagai contoh, apabila pendengar diberitahu bahawa hadis itu diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī  atau Imam Muslim, maka para hadirin akan tahu bahawasanya hadis itu mempunyai autoriti. Berikut adalah graf turus taburan riwayat bagi keseluruhan 100 hadis (tanpa ulangan) yang disebut oleh dalam teks khutbah Jumaat:

Rajah 1: Taburan Riwayat dalam Teks Khutbah Jumaat




Pada pengamatan pengkaji melalui graf turus ini, pihak JHEAT khususnya Unit Khutbah dan Pengukuhan telah sedaya-upaya memilih hadis-hadis yang mempunyai autoriti untuk dimasukkan dalam teks khutbah Jumaat mereka dan hal ini tampak jelas apabila majoriti hadis yang diguna pakai yang berjumlah 51 hadis atau 51% diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim menerusi kitab sahih mereka. Manakala, baki 49 hadis atau 49% lagi diriwayatkan oleh pengarang *al-Sunan al-Sittah* dan lain-lain. Namun demikian, satu panel teks khutbah didapati tidak menjelaskan taraf hadis bagi hadis selain yang diriwayatkan oleh Imam *al-Bukhārī* dan Imam Muslim. Hakikatnya, hal ini tidak boleh dipandang enteng kerana menurut Jawiah Dakir, kurangnya perhatian terhadap kesahihan sumber secara tidak langsung menyumbang kepada tercetusnya amalan bidaah dan khurafat dalam masyarakat Islam di Malaysia (Dakir, 2010). Bukan itu sahaja, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pengkaji pada poin sebelumnya, perkara ini juga didapati melanggar Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith keluaran KDN yang menuntut agar setiap hadis di dalam penerbitan perlu ditentusahkan autoritinya sebelum ia dicetak dan diedar atau dibaca kepada khalayak.

## 4. Verifikasi Hadis Khutbah Jumaat

Oleh kerana sebahagian hadis diletakkan matannya dalam bahasa Arab manakala sebahagian yang lain berpada dengan terjemahan bahasa Melayu, maka pengkaji memilih untuk mengasingkan antara kedua-dua jenis ini. Berikut adalah jadual bilangan hadis yang dimaksudkan berserta *takhrīj* dan ulasannya:

Jadual 4: Hadis yang mempunyai matan dalam bahasa Arab

| Bil | Teks Hadis | Takhrij dan Ulasan |
|---|---|---|
| 1 | يُبْصِرُ أحدُكم القذى في عينِ أخيهِ ويَنْسى الجِذْعَ في عينِه. | **Takhrij:** Riwayat Ibn Ḥibbān, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, al-Nawʿ al-Sādis Wa al-Sittūn, Dhikr al-Ikhbār ʿAmmā Yajibu ʿAlā al-Marʾi Min Tafaqqud ʿUyūbi Nafsihi Dūna Ṭalabi Maʿāʿibi al-Nās, no. 4597<br><br>**Ulasan:** Daif disebabkan *tafarrud* seorang perawi yang bernama Muḥammad bin Ḥimyar dan beliau diklasifikasikan lemah (Ibnu Abī Ḥatim, 1952, p. 7/ 240). |
| 2 | مُروا صِبيانَكم بالصَّلاةِ لسَبعِ سِنينَ، واضْرِبوهم عليها لعَشْرِ سِنينَ، وفَرِّقوا بيْنَهم في المَضاجِعِ. | **Takhrij:** Riwayat Aḥmad, al-Musnad, Musnad ʿAbd Allāh Ibn ʿAmr Ibn al-ʿĀṣ no. 6689<br><br>**Ulasan:** Daif. Hal ini telah pun diakui oleh al-'Uqailī disebabkan *tafarrud* seorang perawi yang bertaraf daif yang bernama Sawwār bin Dāwud ('Uqailī, 1984, p. 4/ 176). |
| 3 | العَهدُ الذي بَينَنا وبَينَهُم الصلاةُ، فمن تَرَكَها فَقَد كَفَرَ. | **Takhrij:** Riwayat Aḥmad, al-Musnad, Ḥadīth ʿAbd Allāh Ibn Mālik Ibn Buḥayna, no. 22937<br><br>**Ulasan:** Daif sebagaimana yang disebut oleh Imam Aḥmad kerana riwayat Hussain bin Wāqid daripada Ibn Buraida *munkar* (Ibn Ḥanbal, 2001, p. 2/ 22). Meskipun begitu maksud hadis ini telah diriwayatkan dalam hadis sahih yang lain seperti di bawah. |
| 4 | إنَّ بيْنَ الرَّجُلِ وبيْنَ الشِّرْكِ والْكُفْرِ تَرْكَ الصَّلاةِ. | **Takhrij:** Riwayat Muslim, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Al-Īmān, |

| | | |
|---|---|---|
| | | Bāb Bayān Iṭlāq Ism Al-Kufr ʿAlā Man Taraka Al-Ṣalāt, no. 82<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 5 | من ترك الصلاةَ متعمدًا برِئتْ منه ذمةُ اللهِ ورسولِهِ. | **Takhrij:** Riwayat Aḥmad, al-Musnad, Ḥadīth Umm Ayman, no. 27364<br><br>**Ulasan:** Daif kerana riwayat Makḥūl daripada Ummu Aiman terputus sepertimana yang diakui oleh al-Mizzī (al-Mizzī, 1992, p. 28/ 466). |
| 6 | إن أولَ ما يحاسبُ به العبدُ بصلاتِه، فإن صَلَحت فقد أفلح وأنجح، وإن فسدتْ فقد خاب وخسِرَ. | **Takhrij:** Riwayat Ibnu Ibnu Mājah, al-Sunan, Abwāb Iqāmat Al-Ṣalawāt Wa-Al-Sunnah Fīhā, Bāb Mā Jāʾa Fī Awwal Mā Yuḥāsabu Bihi Al-ʿAbdu Al-Ṣalāt, no. 1426<br><br>**Ulasan:** Daif dan ini diakui oleh Imam Aḥmad lantaran sanadnya yang terputus (al-'Alāī, 1986, p. 176). Selain itu, maksud hadis ini turut bertentangan dengan nas al-Qur'ān yang menyebut bahawa tauhid merupakan perkara pertama yang dihisab (al-Qur'ān, 9: 54) |
| 7 | أُمِرْتُ أنْ أُقاتِلَ النّاسَ حتّى يَشْهَدُوا أنْ لا إلَهَ إلّا اللَّهُ، وأنَّ مُحَمَّدًا رَسولُ اللَّهِ، ويُقِيمُوا الصَّلاةَ، ويُؤْتُوا الزَّكاةَ، فَإِذا فَعَلُوا ذلكَ عَصَمُوا مِنِّي دِماءَهُمْ وأَمْوالَهُمْ إلّا بحَقِّ الإسْلامِ، وحِسابُهُمْ على اللَّهِ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Īmān, Bāb Fa In Tābū Wa-Aqāmū Aṣ-Ṣalāta Wa Ātaw Azzakāta Fakhallū Sabīlahum, no. 25<br><br>**Ulasan:** Sahih. |

| | | |
|---|---|---|
| 8 | إنَّك لن تدَعَ شيئًا اتِّقاءَ اللَّهِ عزَّ وجلَّ إلّا أعطاك اللَّهُ خيرًا منْهُ. | **Takhrij:** Riwayat Aḥmad, al-Musnad, Ḥadīth al-Aʿrābī no. 20739<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 9 | مَن كَظَمَ غَيْظًا وهو قادِرٌ على أن يُنفِذَه دَعاه اللَّهُ على رُؤوسِ الخَلائِقِ يَوْمَ القِيامةِ، حتّى يُخَيِّرَه مِن الحُورِ العِينِ ما شاءَ. | **Takhrij:** Riwayat Abū Dāwud, al-Sunan, Awwal Kitāb al-Adab, Bāb Man Kaẓama Ghayẓan, no. 4777<br><br>**Ulasan:** Daif kerana riwayat Sahl bin Mu'ādh daripada bapanya adalah lemah seperti yang disebut oleh Yaḥyā bin Ma'īn (Ibnu Abī Ḥatim, 1952, p. 4/ 204). |
| 10 | يا جِبريلُ، ما هذه الرّائحةُ الطَّيِّبةُ؟ فقال: هذه رائحةُ ماشطةِ ابنةِ فِرعونَ وأولادِها. | **Takhrij:** Riwayat Aḥmad, al-Musnad, Wa Min Akhbār ʿUthmān Ibn ʿAffān, no. 2821<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 11 | اللَّهُمَّ لَوْلا أَنْتَ ما اهْتَدَيْنا... ولا تَصَدَّقْنا ولا صَلَّيْنا. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Bāb Faḍli al-Jihād Wa al-Siyar, Bāb al-Rajazi Fī al-Ḥarbi Wa Rafʿi al-Ṣawti Fī Ḥafri al-Khandaq, no. 2870<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 12 | إنَّ الإيمانَ لَيَخْلَقُ في جوفِ أحدِكُم كما يَخْلَقُ الثوبَ، فاسألُوا اللهَ تعالَى: أنَّ يجدِدَ الإيمانَ في قلوبِكُم. | **Takhrij:** Riwayat aṭ-Ṭabrānī, al-Mu'jam al-Kabīr, ʿAbdu Allāh Ibn ʿAmr Ibn al-ʿĀṣ Yuknā Abā Muḥammad Dhikru Sinnihi Wa Wafātihi Wa Min Akhbārihi, no. 14668<br><br>**Ulasan:** Daif kerana pada sanadnya terdapat perawi yang *majhūl* iaitu 'Abdullāh bin al-Musāwir dan hal ini telah diakui |

| | | |
|---|---|---|
| | | oleh 'Alī ibn al-Madīnī (Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, 2021, p. 8/ 24). |
| 13 | يا مُقلّبَ القُلوبِ ثبّتْ قلبي على دينِك. | **Takhrij:** Riwayat Aḥmad, al-Musnad, Ḥadīth Abī Rimthah Raḍiya Allāhu ʿAnhu ʿAni al-Nabī Ṣallā Allāhu ʿAlayhi Wa Sallam, no. 12107<br><br>**Ulasan:** Daif dengan lafaz ini kerana sanadnya terputus sepertimana yang disahkan oleh al-Bazzār (al-Haithamī, 1979, p. 2/ 36). Namun, terdapat riwayat lain yang sahih yang membawa maksud yang sama tetapi sedikit berbeza pada lafaz (Aḥmad, 2001, p. 11/130). |
| 14 | لَوْ توكلْتُمْ على اللهِ حقَّ تَوَكُّلِه لَرَزَقَكُمْ كما يَرْزُقُ الطَّيْرَ تَغْدُو خِماصًا وتَرُوحُ بِطانًا. | **Takhrij:** Riwayat at-Tirmidhī, al-Jāmiʾ, Abwāb al-Zuhd ʿAn Rasūli Allāh Ṣallā Allāhu ʿAlayhi Wa Sallam, Bāb Fī al-Tawakkul ʿAlā Allāh, no. 2344<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 15 | لا يؤمنُ أحدُكم حتّى يَكونَ هواهُ تبعًا لِما جئتُ بِهِ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bayhaqī, al-Madkhal Ilā al-Sunan, Bāb Mā Yudhkaru Min Dhammi al-Raʾyi Wa Takalluf al-Qiyās Fī Mawḍiʿi al-Naṣṣ, no. 209<br><br>**Ulasan:** Daif sepertimana yang diakui oleh Ibn Rajab disebabkan *tafarrud* seorang perawi yang daif iaitu Nu'aim bin Ḥammād dan sanadnya yang terputus (Ibn Rajab, 2008, pp. 824-826). Akan tetapi, maksud hadis ini bertepatan dengan ayat al-Qur'ān )al-Qur'ān, 33: 36( |

| | | |
|---|---|---|
| 16 | أتاكُم رَمضانُ شَهرٌ مبارَك، فرَضَ اللَّهُ عزَّ وجَلَّ عليكُم صيامَه، تُفتَّحُ فيهِ أبوابُ السَّماءِ، وتغلَّقُ فيهِ أبوابُ الجحيمِ، وتُغلُّ فيهِ مَرَدَةُ الشَّياطينِ، للَّهِ فيهِ ليلةٌ خيرٌ من ألفِ شَهرٍ، مَن حُرِمَ خيرَها فقد حُرِمَ. | **Takhrij:** Riwayat an-Nasāie, al-Sunan, Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Dhikr al-Ikhtilāf ʿAlā Maʿmar Fīhi, no. 2106<br><br>**Ulasan:** Daif kerana sanadnya yang terputus disebabkan Abū Qilāba tidak pernah mendengar sebarang hadis daripada Abu Huraira sebagaimana yang telah diakui oleh para sarjana hadis (al-'Alāī, 1986, p. 211). Sekalipun demikian, maksud hadis ini bertepatan dengan dengan hadis sahih yang lain (Ibnu al-Ḥajjāj, 1955, p. 2/ 758). |
| 17 | مَن صامَ رَمَضانَ، إيمانًا واحْتِسابًا، غُفِرَ له ما تَقَدَّمَ مِن ذَنْبِهِ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Ṣalāt al-Tarāwīḥ, Bāb Faḍl Laylati al-Qadr, no. 1910<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 18 | عُمرةٌ في رَمَضانَ تَعدِلُ حَجَّةً، أو حَجَّةً معي. | **Takhrij:** Riwayat Muslim, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Ḥajj, Bāb Faḍli al-ʿUmrat Fī Ramaḍān, no. 1256<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 19 | إنَّ المؤمِنَ ليُدرِكُ بحُسْنِ خُلُقِهِ درجةَ الصّائمِ القائمِ. | **Takhrij:** Riwayat Abū Dāwud, al-Sunan, Awwalu Kitāb al-Adab, Bāb Fī Ḥusni al-Khuluq, no. 4798<br><br>**Ulasan:** Daif kerana sanadnya yang terputus antara al-Muṭṭalib dan 'Āisha dan hal ini telah diakui oleh Abū Ḥātim (Ibnu Abī Ḥātim, 1977, p. 210). |

| | | |
|---|---|---|
| 20 | الصِّيامُ جُنَّةٌ فلا يَرْفُثْ ولا يَجْهلْ، وإنِ امْرُؤٌ قاتَلَهُ أوْ شاتَمَهُ فَلْيَقُلْ: إنِّي صائِمٌ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Ṣawm, Bāb Faḍli al-Ṣawm, no. 1795<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 21 | مَن لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ والعَمَلَ به والجَهْلَ، فليسَ لِلَّهِ حاجَةٌ أنْ يَدَعَ طَعامَهُ وشَرابَهُ | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Ṣawm, Bāb Man Lam Yadaʿ Qawla al-Zūr, Wa al-ʿAmala Bihi Fī Aṣ-Ṣawm, no. 1804<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 22 | ما ملأ آدميٌّ وعاءً شرًّا من بطنٍ، بحسبِ ابنِ آدمَ أكلاتٍ يُقمنَ صُلبَهُ، فإن كان لا محالَةَ: فثلُث لطعامِه، وثُلُثٌ لشرابِه وثُلُثٌ لنفَسِه. | **Takhrij:** Riwayat al-Tirmidhī, al-Jāmiʾ, Abwāb al-Zuhdi ʿAn Rasūli Allāh Ṣallā Allāhu ʿAlayhi Wa Sallam, Bāb Mā Jā'a Fī Karāhiyati Kathrati al-Akli, no. 2380<br><br>**Ulasan:** Daif disebabkan sanadnya yang terputus antara al-Miqdām bin Ma'dī Karib dan Yaḥyā bin Jābir al-Ṭāie semacam yang dinyatakan oleh Abū Ḥātim (Ibnu Abī Ḥatim, 1952, p. 9/ 133). |
| 23 | مَن قامَ لَيْلَةَ القَدْرِ إيمانًا واحْتِسابًا، غُفِرَ له ما تَقَدَّمَ مِن ذَنْبِهِ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Aṣ-Ṣawm, Bāb Man Ṣāma Ramaḍāna Īmānan Wa Iḥtisāban Wa Niyyatan, no. 1802<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 24 | Diriwayatkan bahawa ‘Aisyah pernah bertanya perkara ini kepada Rasulullah SAW dan baginda menyuruh ‘Aisyah berdoa dengan doa: | **Takhrij:** Riwayat al-Nasāie, al-Sunan al-Kubrā, Kitāb 'Amali al-Yawmi Wa al-Layla, Mā Yaqūlu 'Idhā Wāfaqa Laylata al-Qadr, no. 10642. |

| | | |
|---|---|---|
| | اللَّهمَّ إنَّكَ عفوٌّ تحبُّ العفوَ فاعفُ عنِّي. | **Ulasan:** Daif kerana sanadnya yang terputus antara Ibn Buraida dan 'Āisha dan hal ini telah disebut oleh al-Nasāie (al-Nasāie, 2001, p. 9/ 323). |
| 25 | الصِّيامُ والقرآنُ يشفَعانِ للعبدِ يومَ القيامةِ. | **Takhrij:** Riwayat Aḥmad, al-Musnad, Musnad 'Abd Allāh Ibn 'Amr Ibn al-ʻĀṣ, no. 6626<br><br>**Ulasan:** Daif kerana pada sanadnya perawi yang lemah iaitu 'Abdullāh bin Lahī'a sebagaimana yang diputuskan oleh Ibnu 'Adī (Ibn 'Adī, 1997, p. 3/ 388). Namun, terdapat hadis sahih yang lain menyebut bahawa al-Qur'ān akan memberi syafaat buat pembacanya (Ibnu al-Ḥajjāj, 1955, 1/ 553). |
| 26 | مَن لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ والعَمَلَ به والجَهْلَ، فليسَ لِلَّهِ حاجَةٌ أنْ يَدَعَ طَعامَهُ وشَرابَهُ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Al-Ṣawm, Bābu Man Lam Yada' Qawla al-Zūr, Wa al-'Amala Bihi Fī al-Ṣawm, no. 1804<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 27 | الطَّهورُ شطرُ الإيمانِ. | **Takhrij:** Riwayat Muslim, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Ṭahāra, Bāb Faḍl al-Wuḍūʾ, no. 223<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 28 | الكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Jihād Wa al-Siyar, Bāb Man Akhadha Bi al-Rikābi Wa Naḥwihi, no. 2827<br><br>**Ulasan:** Sahih. |

| | | |
|---|---|---|
| 29 | مَن كانَ يُؤْمِنُ باللَّهِ واليَومِ الآخِرِ فلا يُؤْذِ جارَهُ، ومَن كانَ يُؤْمِنُ باللَّهِ واليَومِ الآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، ومَن كانَ يُؤْمِنُ باللَّهِ واليَومِ الآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أوْ لِيَصْمُتْ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb Al-Adab, Bāb Man Kāna Yu'minu Bi Allāh Wa al-Yawmi al-Ākhir Fa Lā Yu'dhi Jārahu, no. 5672<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 30 | لا يُؤْمِنُ أحَدُكُمْ، حتَّى يُحِبَّ لأخِيهِ ما يُحِبُّ لِنَفْسِهِ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitābu Al-Īmān, Bāb Min al-Īmān An Yuḥibba Li Akhīhi Mā Yuḥibbu Li-Nafsihi, no. 13<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 31 | مَن حَجَّ لِلهِ، فلَمْ يَرفُثْ، ولَم يفسُقْ، رَجَعَ كَيومِ ولَدَتْهُ أُمُّهُ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Ḥajj, Bāb Faḍl Al-Ḥajj Al-Mabrūr, no. 1449<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| 32 | لا ضَرَرَ ولا ضِرارَ. | **Takhrij:** Riwayat Ibnu Ibnu Mājah, al-Sunan, Abwāb al-Aḥkām, Bābu Man Banā Fī Ḥaqqihi Mā Yaḍurru Bi Jārihi, no. 2340<br><br>**Ulasan:** Daif kerana sanadnya yang terputus antara Isḥaq bin Yaḥyā bin al-Walīd dan 'Ubāda bin al-Ṣōmit sebagaimana yang telah diakui oleh al-Bukhārī (Mughalṭāy, 2011, p. 1/ 356). namun begitu maksud hadis ini sahih dan ia merupakan salah satu daripada usul syariat Islam. |
| 33 | أَحَبُّ البِلادِ إلى اللهِ مَساجِدُها، وَأَبْغَضُ البِلادِ إلى اللهِ أَسْواقُها. | **Takhrij:** Riwayat Muslim, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Masājid Wa Mawāḍiʿ al-Ṣalāh, Bāb Faḍl al- |

| | | |
|---|---|---|
| | | Julūsi Fī Muṣallāhu Baʿda al-Ṣubḥ Wa Faḍl al-Masājid, no. 671<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| **34** | الملائِكَةُ تُصَلِّي على أحَدِكُمْ ما دامَ في مُصَلّاهُ، ما لَمْ يُحْدِثْ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ له، اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ، لا يَزالُ أحَدُكُمْ في صَلاةٍ ما دامَتِ الصَّلاةُ تَحْبِسُهُ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Kitābu al-Jamāʿah Wa al-Imāmah, Bāb Man Jalas Fī al-Masjid Yantaẓir al-Ṣalāh Wa Faḍl al-Masājid, no. 628<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| **35** | الحَجّ عَرَفَة. | **Takhrij:** Riwayat at-Tirmidhī, al-Jāmiʾ, Abwābu Al-Ḥajj ʿAn Rasūli Allāh Ṣallā Allāhu ʿAlayhi Wa Sallam, Bāb Mā Jā'a Fīman Adraka al-Imāma Bi Jam' Faqad Adraka al-Ḥajj, no. 889<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| **36** | صِيامُ يَومِ عَرَفَةَ، أَحْتَسِبُ على اللهِ أنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتي قَبْلَهُ، والسَّنَةَ الَّتي بَعْدَهُ. | **Takhrij:** Riwayat Muslim, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Istiḥbāb Thalāthati Ayyāmin Min Kulli Shahr Wa Ṣawm Yawm 'Arafah Wa 'Āshūrā' Wa al-Ithnayn Wa al-Khamīs, no. 1162<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| **37** | إنَّ أعظَمَ الأيامِ عندَ اللهِ يومُ النحْرِ، ثم يومُ القَرِّ. | **Takhrij:** Riwayat Abū Dāwud, al-Sunan, Kitāb al-Manāsik, Bāb Fī al-Hady Idhā 'Aṭab Qabla 'An Yablugh, no. 1765<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| **38** | أَيّامُ مِنًى أَيّامُ أَكْلٍ وَشُرْبٍ وذِكْرِ اللهِ عزّ وَجَلّ. | **Takhrij:** Riwayat Muslim, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitāb al-Ṣiyām, |

| | | |
|---|---|---|
| | | Bāb Taḥrīm Ṣawm Ayyāmi al-Tashrīq, no. 1142<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| **39** | اللَّهمَّ آتِ نفسي تقواها وزَكِّها أنت خيرُ من زَكّاها أنت وليُّها ومولاها. | **Takhrij:** Riwayat Muslim, al-Musnad al-Ṣaḥīḥ, Kitābu al-Dhikr Wa al-Duʿāʾ Wa al-Tawbah Wa al-Istighfār, Bābu al-Taʿawwudh Min Sharri Mā ʿAmil Wa Min Sharri Mā Lam Yaʿmil, no. 2722<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
| **40** | أَكثروا ذِكرَ هاذمِ اللَّذّات يعني الموتَ. | **Takhrij:** Riwayat at-Tirmidhī, al-Jāmiʾ, Abwāb al-Zuhd ʿAn Rasūli Allāh Ṣallā Allāhu ʿAlayhi Wa Sallam, Bāb Mā Jā'a Fī Dhikri al-Mawt, 2307<br><br>**Ulasan:** Daif disebabkan sanadnya yang terputus antara Abū Salama bin Abd al-Raḥmān dan Rasulullah SAW sepertimana yang dinyatakan oleh Imam Aḥmad. Manakala, riwayat yang *mauṣūl* adalah suatu kesilapan (Abū Dāwud, 1999, p. 409). Sungguhpun demikian, terdapat hadis sahih yang berlainan lafaz tetapi mempunyai makna yang sama (Ibnu al-Ḥajjāj, 1955, p. 2/ 671). |
| **41** | خيرُ النّاسِ من طال عمرُه وحسُن عملُه. | **Takhrij:** Riwayat at-Tirmidhī, al-Jāmiʾ, Abwāb al-Zuhd ʿAn Rasūli Allāh Ṣallā Allāhu ʿAlayhi Wa Sallam, Bāb Mā Jā'a Fī Ṭūl al-ʿUmr Li al-Muʾmin, 2329<br><br>**Ulasan:** Sahih. |

| | | |
|---|---|---|
| 42 | إِنَّمَا الأعْمالُ بالنِّيّاتِ، وإنَّما لِكُلِّ امْرِئٍ ما نَوى، فمَن كانَتْ هِجْرَتُهُ إلى دُنْيا يُصِيبُها، أوْ إلى امْرَأَةٍ يَنْكِحُها، فَهِجْرَتُهُ إلى ما هاجَرَ إلَيْهِ. | **Takhrij:** Riwayat al-Bukhārī, al-Jāmiʾ al-Ṣaḥīḥ, Badaʾu al-Waḥyi, Bāb Kayfa Kāna Badaʾu Al-Waḥyi Ilā Rasūli Allāh Ṣallā Allāhu ʿAlayhi Wa Sallam, no. 1<br><br>**Ulasan:** Sahih. |
